

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL
[LIBARAN]**

TARIKH : 7 OGOS 2017 [ISNIN]

SOALAN :

Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan status terkini susulan Parlimen Eropah meluluskan resolusi tunggal mensyaratkan hanya minyak sawit dihasilkan secara lestari boleh diimport memasuki pasaran Kesatuan Eropah (EU) dan apakah tindakan strategik Kementerian dalam menjaga kebajikan 600,000 pekebun kecil sawit di Malaysia.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia telah mengemukakan bantahan terhadap cadangan resolusi tunggal yang dibuat oleh Parlimen Eropah. Dalam hubungan ini, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) telah mengadakan sesi perbincangan dengan pihak Kesatuan Eropah iaitu di peringkat pegawai kanan pada 9 hingga 12 Mei 2017 dan Misi yang diketuai oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi pada 10 hingga 16 Jun 2017. Tujuan Misi ini adalah untuk memaklumkan pihak Kesatuan Eropah tentang tindakan yang telah diambil oleh Malaysia dalam memastikan pengeluaran minyak sawit mampan.

Di samping itu, Kerajaan melalui MPIC dan agensi di bawahnya kini sedang giat mempromosikan Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan (*Malaysian Sustainable Palm Oil – MSPO*) supaya diterima dan diiktiraf di peringkat antarabangsa terutamanya Kesatuan Eropah (EU). Pihak Kerajaan juga secara berterusan berhubung dengan pihak berkepentingan dalam EU seperti Ahli Parlimen EU dan Suruhanjaya Eropah. Selain itu, Malaysia juga akan mengambil tindakan melalui landasan seperti *Council of Palm Oil Producing Countries (CPOPC)*, Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (*Association of Southeast Asian Nations – ASEAN*) dan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (*World Trade Organization – WTO*). Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) juga telah menganjurkan beberapa siri lawatan yang disertai oleh Ahli Parlimen EU ke Malaysia di mana mereka telah diberi pendedahan dan maklumat berkaitan pemuliharaan alam sekitar dan inisiatif kemampanan

serta usaha Kerajaan Malaysia dalam membasmi kemiskinan melalui skim tanaman sawit seperti FELDA. Selain itu, melalui rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) di antara Malaysia dan EU, perbincangan berkenaan halangan bukan tarif bagi melindungi kepentingan industri sawit Malaysia juga akan diadakan.

Sekian, terima kasih.